



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI:

LJT 6 Jld. 9/(23)

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

02 Mei 2018

Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk /Dato' /Tuan /Puan,

**SURAT PEKELILING
LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA
BIL 2 TAHUN 2018**

PENUBUHAN SYARIKAT SENDIRIAN BERHAD BAGI FIRMA JURUUKUR TANAH BERLESEN YANG BERSTATUS PEMILIKAN TUNGGAL

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana sedia maklum, Pekeliling Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) Bilangan 4 Tahun 1979 menyatakan bahawa tiada peruntukan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 [Akta 458] yang membenarkan LJT untuk mengawal selia penubuhan syarikat sendirian berhad. Pengeluaran pekeliling ini adalah bertepatan dengan perlaksanaan Akta Syarikat 1965 pada masa tersebut yang jelas menyatakan di bawah seksyen 122 bahawa pembentukkan sebuah syarikat mestilah mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) orang pengarah yang bermastautin.

3. Namun begitu, pada 15 September 2016, Akta Syarikat 2016 [Akta 777] telah diwartakan bagi mengantikan Akta Syarikat 1965 di mana terdapat

beberapa pindaan telah dilakukan yang antara lainnya adalah berkaitan dengan penubuhan syarikat persendirian. Melalui Akta Syarikat 2016 [Akta 777] di bawah seksyen 196 (1) adalah jelas menyatakan bahawa:

“Sesuatu syarikat hendaklah mempunyai bilangan minimum pengarah seperti yang berikut:

- a) dalam hal suatu syarikat persendirian, seorang pengarah; atau***
- b) dalam hal suatu syarikat awam, dua orang pengarah.”***

4. Justeru itu, sejajar dengan perlaksanaan seksyen 196(1)(a) Akta Syarikat 2016 [Akta 777], maka LJT dengan ini tiada halangan untuk meluluskan permohonan daripada mana-mana Juruukur Tanah Berlesen untuk menukar nama firma yang berstatus pemilikan tunggal kepada syarikat sendirian berhad.
5. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

Dengan Arahan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia.



(SR ISMAIL BIN HARUN)
Setiausaha
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

Salinan Kepada :

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia

Presiden
Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia
(PEJUTA)